



M A L A Y S I A

# Warta Kerajaan

## SERI PADUKA BAGINDA

### DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*  
*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 48  
No. 22

**21hb Oktober 2004**

*TAMBAHAN No. 109*  
*PERUNDANGAN (A)*

---

**P.U. (A) 352.**

**AKTA PERBADANAN PUTRAJAYA 1995**

**PERATURAN-PERATURAN WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA  
(PELESENAN DAN PENDAFTARAN AKTIVITI DI TASIK) 2004**

---

### SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

---

Peraturan-  
peraturan

1. Nama dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Pelesenan atau pendaftaran suatu bot
4. Permohonan bagi suatu lesen atau sijil pendaftaran
5. Penggantian suatu lesen atau sijil pendaftaran
6. Pemegang lesen atau sijil pendaftaran hendaklah mematuhi arahan
7. Menanda dan mengukir suatu nombor pengenalan
8. Daftar bot
9. Pengubahsuaian suatu bot

Peraturan-  
peraturan

10. Pemilik berdaftar
11. Kewajipan memberi nama dan alamat orang yang bertanggungjawab tentang suatu bot
12. Pertukaran hak milik
13. Lesen dan sijil pendaftaran hendaklah disimpan di dalam suatu bot bermotor
14. Bilangan orang yang boleh diangkut
15. Alat-alat keselamatan, dsb.
16. Sijil kecekapan bagi pemandu bot bermotor
17. Tambang bagi suatu teksi air
18. Perbadanan boleh menentukan jadual, laluan, dsb.
19. Pembatalan suatu lesen atau sijil pendaftaran
20. Sekatan berhubung dengan menangkap ikan
21. Permit untuk perlumbaan, pameran, regata, dsb.
22. Fi, borang, dsb.
23. Pengecualian
24. Penalti
25. Mengkompaun kesalahan
26. Kaedah mengkompaun
27. Pembayaran kompaun

JADUAL

## AKTA PERBADANAN PUTRAJAYA 1995

### PERATURAN-PERATURAN WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA (PELESENAN DAN PENDAFTARAN AKTIVITI DI TASIK) 2004

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 33 Akta Perbadanan Putrajaya 1995 [Akta 536], Perbadanan Putrajaya, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

#### **Nama dan pemakaian**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pelesenan dan Pendaftaran Aktiviti di Tasik) 2004**.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai hanya kepada Wilayah Persekutuan Putrajaya.

#### **Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“aktiviti” termasuk—

- (a) berenang;
- (b) menaiki bot;
- (c) ski air;
- (d) teksi air;
- (e) pelancongan air;
- (f) memancing; dan
- (g) apa-apa aktiviti komersial;

“badan perairan utama” ertinya badan air besar yang terbentuk melalui penahanan Sungai Chuau dan Sungai Bisa oleh empangan;

“bot” ertinya suatu bot bermotor atau bot tanpa motor, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“bot bermotor” ertinya mana-mana bot yang digerak secara mekanikal atau mana-mana bot yang boleh digerakkan secara mekanikal;

“bot tanpa motor” ertinya mana-mana bot yang menggunakan kuasa manusia atau peralatan-peralatan yang digunakan atau boleh digunakan untuk pelayaran di Tasik;

“kargo” ertinya apa-apa benda atau barang-barang termasuk pasir, hampas atau jirim atau bahan lain yang diangkut oleh suatu bot selain daripada peralatan dan bahan api bot itu;

“kerja-kerja” termasuk apa-apa aktiviti yang melibatkan—

- (a) pembinaan atau pemasangan apa-apa struktur, bangunan, bot termasuk kapal terapung;
- (b) pengorekan, penambakan, pendalaman, pengisian atau pengaliran atau pelepasan apa-apa jirim, bahan atau benda;
- (c) pemindahan tanah, pasir, tanah merah, tanah liat, batu, apa-apa jirim bumi atau air;
- (d) penanaman, pemotongan dan penebangan apa-apa tumbuh-tumbuhan; dan
- (e) penahanan, pelencongan, pelepasan, halangan atau gangguan aliran air;

“pegawai diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai Perbadanan yang diberi kuasa secara bertulis oleh Perbadanan;

“pemilik” termasuk pengendali dan mana-mana orang yang mempunyai milikan atau pengawalan ke atas suatu bot;

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Putrajaya yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Perbadanan Putrajaya 1995;

“rezab tasik” ertinya tanah, termasuk promenad dan laluan jalan kaki, yang betul-betul bersebelahan dengan badan perairan utama, wetland dan saluran yang bermula dari 21.00 meter dari paras air biasa sehingga kepada had-had lain yang diisytiharkan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa;

“saluran” ertinya saluran yang terbentuk melalui penahanan Sungai Chuau dan Sungai Bisa oleh empangan dan bersambung kepada badan pengairan utama;

“sungai” termasuk semua sungai yang mengalir masuk dan membentuk Tasik termasuklah kuala, laluan air atau aliran air yang semula jadi atau buatan;

“Tasik” termasuk—

- (a) badan perairan utama;
- (b) wetland;
- (c) rezab tasik;
- (d) saluran;
- (e) sungai,

dan seperti yang ditunjukkan dalam pelan yang dikenal pasti dengan merujuk kepada W.P.P. Pelan Warta 4—

- (i) yang disediakan oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan Wilayah Persekutuan Putrajaya;
- (ii) yang bertarikh dan diperakui sebagai pelan yang benar dan betul mengenai kawasan itu oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan Wilayah Persekutuan Putrajaya; dan

(iii) yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Wilayah Persekutuan Putrajaya, bersekali dengan koordinat yang digunakan dalam menyediakan pelan itu;

“tebing” berhubung dengan Tasik erti mana-mana tebing Tasik yang terbentuk secara semula jadi atau buatan;

“teksi air” erti suatu bot yang belayar berulang-alik untuk sewaan atau ganjaran, yang digunakan untuk mengangkut penumpang;

“wetland” erti kawasan tanah-tanah yang terletak di bahagian atas badan perairan utama yang ditenggelami atau dibanjiri secara bermusim, sekali sekala atau secara tetap oleh air yang statik atau mengalir, sama ada berlaku secara semula jadi atau dihasilkan secara buatan; termasuklah mana-mana kawasan tanah yang boleh, dari semasa ke semasa, ditetapkan sebagai wetland oleh Perbadanan.

#### **Pelesehan atau pendaftaran suatu bot**

3. (1) Tiada seorang pun boleh mengguna atau membenar atau menyebabkan digunakan mana-mana bot bermotor, kecuali dilesenkan oleh Perbadanan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Tiada seorang pun boleh mengguna atau membenar atau menyebabkan digunakan mana-mana bot tanpa motor di Tasik, kecuali berdaftar dengan dan memegang suatu sijil yang dikeluarkan oleh Perbadanan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(3) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan.

#### **Permohonan bagi suatu lesen atau sijil pendaftaran**

4. (1) Suatu permohonan bagi suatu lesen atau sijil pendaftaran di bawah peraturan 3 hendaklah dalam bentuk seperti yang ditentukan oleh Perbadanan.

(2) Perbadanan hendaklah menimbang permohonan itu dan boleh melulus atau menolak permohonan itu.

(3) Sekiranya Perbadanan meluluskan permohonan itu, suatu lesen atau sijil pendaftaran hendaklah dikeluarkan—

(a) tertakluk kepada syarat-syarat atau sekatan-sekatan seperti yang ditetapkan oleh Perbadanan;

(b) dengan suatu nombor siri dan tarikh tamat yang hendaklah dinyatakan dalam lesen atau sijil pendaftaran;

(c) atas bayaran suatu fi seperti yang ditentukan oleh Perbadanan; dan

(d) untuk suatu tempoh tidak melebihi satu tahun.

(4) Pegawai diberi kuasa boleh, pada bila-bila masa, sebelum mengeluarkan suatu lesen atau sijil pendaftaran menghendaki suatu bot dibawa ke mana-mana tempat yang ditetapkan olehnya untuk pemeriksaan.

(5) Seorang pemegang lesen atau sijil pendaftaran tidak boleh menyerah hak, memajakkan, mempakkkan atau mensubpakkkan lesen atau sijil pendaftarannya.

(6) Suatu lesen atau sijil pendaftaran yang dikeluarkan di bawah peraturan ini boleh diperbaharui tertakluk kepada bayaran suatu fi seperti yang ditentukan oleh Perbadanan dan permohonan untuk pembaharuan tersebut hendaklah dibuat 14 hari sebelum tarikh tamat lesen atau sijil pendaftaran.

(7) Seseorang pemegang lesen atau sijil pendaftaran hendaklah menyerahkan lesen atau sijil pendaftarannya kepada Perbadanan apabila tempohnya tamat atau dibatalkan oleh Perbadanan.

(8) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan.

#### **Penggantian suatu lesen atau sijil pendaftaran**

5. Jika Perbadanan berpuas hati bahawa mana-mana lesen atau sijil pendaftaran telah hilang, cacat atau rosak, Perbadanan boleh mengeluarkan suatu lesen atau sijil pendaftaran gantian bagi menggantikan lesen atau sijil pendaftaran yang telah hilang, cacat atau rosak itu tertakluk kepada suatu permohonan bertulis yang dibuat oleh pemegang lesen atau sijil pendaftaran itu kepada Perbadanan dan bayaran suatu fi seperti yang ditentukan oleh Perbadanan.

#### **Pemegang lesen atau sijil pendaftaran hendaklah mematuhi arahan**

6. (1) Seseorang pemegang lesen atau sijil pendaftaran hendaklah mematuhi semua kod amalan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Perbadanan termasuklah apa-apa arahan bertulis yang diberikan oleh mana-mana pegawai diberi kuasa mengenai kerja-kerja atau aktiviti yang dijalankan di Tasik.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan.

#### **Menanda dan mengukir suatu nombor pengenalan**

7. (1) Apabila suatu lesen atau sijil pendaftaran dikeluarkan, Perbadanan hendaklah menentukan suatu nombor pengenalan kepada setiap bot.

(2) Pemilik hendaklah menandakan nombor pengenalan itu di setiap haluan bot tersebut dengan latar belakang yang bertentangan.

(3) Nombor pengenalan itu hendaklah mengikut ukuran seperti yang ditentukan oleh Perbadanan dan sentiasa mudah dibaca dan dilihat pada setiap masa.

(4) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan.

#### **Daftar bot**

8. Perbadanan hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu daftar bot sama ada yang dilesenkan atau didaftarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini. Daftar tersebut hendaklah mengandungi maklumat, perincian dan perkara-perkara seperti yang ditetapkan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa.

**Pengubahsuaian suatu bot**

9. (1) Tiada pemilik boleh, tanpa kebenaran bertulis daripada Perbadanan terlebih dahulu, mengubah suai atau menyebabkan atau membenar suatu bot diubah suai sehingga tidak bersesuaian dengan perkara-perkara berhubung dengan reka bentuknya dalam daftar yang berkenaan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan.

**Pemilik berdaftar**

10. Mana-mana orang yang namanya terdapat dalam daftar sebagai—

- (a) pemilik dan pengendali;
- (b) pemilik; atau
- (c) pengendali,

suatu bot hendaklah, untuk semua tujuan Peraturan ini, dianggap sebagai pemilik kecuali dibuktikan sebaliknya.

**Kewajipan memberi nama dan alamat orang yang bertanggungjawab bagi suatu bot**

11. (1) Pemilik hendaklah, pada setiap masa yang munasabah apabila diminta oleh mana-mana pegawai diberi kuasa atau pegawai polis, memberi kepada mereka nama dan alamat orang yang bertanggungjawab ke atas suatu bot pada bila-bila masa apabila suatu kesalahan telah dilakukan atau dituduh telah melakukan di bawah Peraturan ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan.

**Pertukaran hak milik**

12. (1) Apabila hak milik suatu bot bertukar, pemegang lesen atau sijil pendaftaran atau pemilik berdaftar dan pemilik baru hendaklah, dalam masa 7 hari selepas selesainya pembelian bot itu, mengemukakan kepada Perbadanan, keterangan dokumentasi mengenai pertukaran hak milik dan apa-apa lesen atau sijil pendaftaran yang telah dikeluarkan berkenaan dengan bot itu.

(2) Jika Perbadanan berpuas hati bahawa hak milik bot itu telah dipindahkan kepada pemilik baru, lesen atau sijil pendaftaran yang telah dikeluarkan kepada pemilik terdahulu hendaklah dipindahkan kepada pemilik baru selepas bayaran suatu fi seperti yang ditentukan oleh Perbadanan, dan hendaklah sah untuk baki tempoh masa ia dikeluarkan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan.

**Lesen dan sijil pendaftaran hendaklah disimpan di dalam suatu bot bermotor**

13. (1) Lesen atau sijil pendaftaran hendaklah disimpan di dalam suatu bot bermotor pada setiap masa dan hendaklah dikemukakan jika dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana pegawai diberi kuasa.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan.

**Bilangan orang yang boleh diangkut**

14. (1) Tiada pemilik boleh mengangkut atau menyebabkan atau membenarkan mana-mana orang mengangkut di dalam mana-mana bot bilangan orang yang lebih ramai daripada bilangan yang dibenarkan dan dinyatakan di dalam lesen atau sijil pendaftarannya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan.

**Alat-alat keselamatan, dsb.**

15. (1) Pemilik suatu bot hendaklah menyebabkan bot tersebut menggunakan, membawa atau dipasangkan atau disediakan dengan apa-apa alat keselamatan, alat pemadam api, jenis bahan api, spesifikasi enjin dan bot dan lain-lain alat dan kelengkapan seperti yang ditentukan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa.

(2) Tiap-tiap pengguna suatu bot hendaklah, pada setiap masa, memakai jaket keselamatan.

(3) Tiap-tiap tekisi air hendaklah membawa peralatan keselamatan yang berikut:

- (a) suatu jaket keselamatan untuk setiap orang bot itu dilesenkan boleh mengangkut;
- (b) suatu peralatan isyarat bunyi yang cekap sama ada beroperasi secara mekanikal atau dengan tangan; dan
- (c) satu atau lebih pelampung keselamatan, seperti yang ditentukan oleh Perbadanan, disimpan untuk pelepasan segera.

(4) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan.

**Sijil kecekapan bagi pemandu bot bermotor**

16. (1) Tiada seorang pun boleh memandu suatu bot bermotor di Tasik kecuali dia adalah pemegang sijil kecekapan yang dikeluarkan oleh Perbadanan.

(2) Bagi tujuan peraturan ini, pernyataan "pemegang sijil kecekapan" termasuk seseorang yang memiliki dan memandu suatu bot bermotor mengikut suatu lesen yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak berkuasa yang sesuai yang membenarkan orang itu dalam menjalankan tugasnya sebagai ahli pasukan bersenjata untuk memandu suatu bot bermotor yang mana bot bermotor itu adalah harta Kerajaan.

(3) Suatu sijil kecekapan boleh dikeluarkan oleh Perbadanan kepada mana-mana orang tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

- (a) berumur tidak kurang daripada lapan belas tahun;
- (b) sihat tubuh badan;
- (c) menunjukkan bukti kecekapan seperti yang dikehendaki oleh Perbadanan; dan
- (d) bayaran suatu fi seperti yang ditentukan oleh Perbadanan.

(4) Tiap-tiap pemandu suatu bot bermotor hendaklah membawa sijil kecekapannya semasa memandu bot dan hendaklah mengemukakan sijil tersebut jika dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana pegawai diberi kuasa.

(5) Perbadanan boleh membatalkan sijil kecekapan itu sekiranya Perbadanan berpuas hati bahawa pemandu bot bermotor itu telah menyalahi mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang berkaitan.

(6) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan.

### **Tambang suatu teksi air**

17. (1) Had maksimum tambang yang boleh dikenakan bayaran oleh pemegang lesen atau sijil pendaftaran suatu teksi air tidak boleh melebihi kadar seperti yang dinyatakan oleh Perbadanan dalam lesen atau sijil pendaftaran.

(2) Satu salinan kadar tambang hendaklah dipamerkan di atas teksi air apabila ia digunakan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan.

### **Perbadanan boleh menentukan jadual, laluan, dsb.**

18. (1) Perbadanan boleh, dari semasa ke semasa, menentukan perkara-perkara berkaitan dengan keselamatan dan operasi yang teratur oleh mana-mana bot termasuk tetapi tidak terhad kepada laluan, jadual, tempat mendarat, masa beroperasi dan anak kapal.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan.

### **Pembatalan suatu lesen atau sijil pendaftaran**

19. (1) Perbadanan boleh membatalkan suatu lesen atau sijil pendaftaran suatu bot sekiranya Perbadanan berpuas hati bahawa—

- (a) bot itu telah dimusnahkan;
- (b) bot itu tidak boleh digunakan;
- (c) pengeluaran lesen atau sijil pendaftaran telah dipengaruhi oleh suatu representasi fakta yang salah oleh atau bagi pihak pemilik;

- (d) pemilik telah melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang berkaitan atau bahawa mana-mana syarat lesen atau sijil pendaftaran telah tidak dipatuhi;
- (e) pemilik membuat suatu permohonan secara bertulis untuk membatalkan lesen atau sijil pendaftaran bot itu; atau
- (f) ia mempunyai alasan-alasan yang munasabah untuk membatalkan lesen atau sijil pendaftaran bot itu.

(2) Apabila suatu lesen atau sijil pendaftaran dibatalkan, pemilik hendaklah mengeluarkan bot itu daripada Tasik.

(3) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan.

#### **Sekatan berhubung dengan menangkap ikan**

20. (1) Tiada seorang pun boleh—

- (a) memasang, mengendali atau membenarkan atau menyebabkan pemasangan atau pengendalian apa-apa peralatan menangkap ikan;
- (b) mengendali atau membenarkan atau menyebabkan pengendalian mana-mana bot menangkap ikan; atau
- (c) berada dalam milikannya atau di atas suatu bot apa-apa peralatan menangkap ikan atau sebahagian daripadanya,

tanpa permit yang dikeluarkan oleh Perbadanan dan tertakluk kepada syarat-syarat dan bayaran suatu fi seperti yang ditentukan oleh Perbadanan.

(2) Cara-cara menangkap ikan yang berikut adalah dilarang—

- (a) mencandat;
- (b) apa-apa peralatan menangkap ikan yang ditolak atau ditarik oleh mana-mana bot dan termasuk pukat tunda dan kail tunda; dan
- (c) penggunaan racun, bahan letupan dan alat-alat mekanikal atau elektrik.

(3) Sesiapa yang dijumpai memiliki—

- (a) ikan yang telah ditangkap dengan bantuan apa-apa cara dalam perenggan (2); atau
- (b) apa-apa peralatan, perkakas atau bahan yang biasanya digunakan dalam cara-cara dalam perenggan (2),

hendaklah dianggap telah melakukan kesalahan kecuali dibuktikan sebaliknya.

(4) Perbadanan boleh dari semasa ke semasa mengeluarkan larangan menangkap, membunuh atau mempunyai dalam milikannya, ikan dari sesuatu spesis dan saiz semasa dalam tempoh seperti yang dinyatakan oleh Perbadanan.

(5) Untuk tujuan peraturan ini—

“menangkap ikan” ertinya menangkap, mengambil atau membunuh atau cubaan menangkap, mengambil atau membunuh ikan termasuklah menjalankan apa-apa aktiviti yang secara munasabah boleh dijangka akan mengakibatkan penangkapan, pengambilan atau pembunuhan ikan;

“peralatan menangkap ikan” termasuk apa-apa jaring menangkap ikan atau perangkap menangkap ikan dari apa-apa jenis dan apa-apa perkakas yang direka untuk menangkap ikan;

“mencandat” ertinya menangkap atau membunuh ikan dengan suatu cangkul atau cangkul-cangkul yang dimanipulasikan supaya menembusi dan mencangkul seekor ikan di mana-mana bahagian badannya selain daripada mulutnya.

(6) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan.

#### **Permit untuk perlumbaan, pameran, regata, dsb.**

21. (1) Tiada seorang pun boleh menganjur, menggalakkan atau menjalankan suatu perlumbaan, pameran atau regata untuk apa-apa jenis bot atau suatu pameran ski air, berselancar atau apa-apa aktiviti yang seumpamanya, dalam mana-mana kawasan Tasik, atau apa-apa operasi atau aktiviti lain yang melibatkan pengunaan tertentu di Tasik dan memberi kesan ke atas kawasan tertentu di Tasik yang tersedia ada untuk kegunaan orang awam, kecuali suatu permit dikeluarkan oleh Perbadanan.

(2) Tertakluk kepada peraturan 3, tiada seorang pun boleh menggunakan atau membenarkan atau menyebabkan digunakan mana-mana bot, kecuali suatu permit dikeluarkan oleh Perbadanan—

- (a) untuk membawa penumpang atau kargo di Tasik;
- (b) untuk apa-apa aktiviti komersial di Tasik; atau
- (c) untuk menjalankan apa-apa kerja di Tasik.

(3) Permohonan bagi suatu permit yang disebut dalam perenggan (1) dan (2) hendaklah dibuat secara bertulis kepada Perbadanan dalam suatu bentuk dan dengan bayaran suatu fi seperti yang ditentukan oleh Perbadanan.

(4) Suatu permit yang dikeluarkan di bawah peraturan ini boleh menyatakan syarat-syarat mengenai masa, tempat, bayaran atau perkara-perkara lain yang difikirkan sesuai oleh Perbadanan.

(5) Mana-mana orang yang telah diberikan suatu permit hendaklah menjalankan kerja-kerja atau aktivitinya hanya di tempat yang dibenarkan, pada masa yang dibenarkan, untuk tempoh yang dibenarkan, dengan peralatan atau perkakas yang dibenarkan seperti yang dinyatakan dalam permit itu.

(6) Sekiranya, pada pendapat Perbadanan, kerja-kerja atau aktiviti dalam, di atas atau di sebelah atas Tasik menyebabkan kekurangan kepada pengaliran

atau isi padu air, kemerosotan kualiti air atau hakisan tebing, Perbadanan boleh mengarahkan orang yang membuat kerja atau aktiviti itu supaya menukar, menggantung, menghentikan atau memindahkan kerja-kerja atau aktiviti itu.

(7) Dalam peraturan ini—

“berselancar” ertinya pembawaan seseorang di atas, di dalam atau di sebelah atas mana-mana bahagian Tasik dengan cara menampung beliau di atas peralatan terapung atau udara yang dipasang kepada kelengkapan tarik dan disambung kepada suatu bot sama ada orang atau peralatan tersebut pada masa itu menyentuh atau berada tepat di sebelah atas Tasik atau tidak; dan

“ski air” ertinya penggunaan apa-apa ski air, papan lungsur, selancar atau peralatan selancar dan termasuk mana-mana jenis bot yang digunakan sebagai peralatan terapung oleh pemain ski air.

(8) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan.

### **Fi, borang, dsb.**

22. Perbadanan boleh dari semasa ke semasa menentukan borang, amaun fi dan apa-apa perkara-perkara lain yang boleh dikehendaki untuk dikenakan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

### **Pengecualian**

23. Perbadanan boleh, dengan syarat atau tanpa syarat, mengecualikan mana-mana kelas bot daripada mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

### **Penalti**

24. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah peraturan 3, 4, 6, 7, 9, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20 dan 21 hendaklah didenda tidak melebihi lima ribu ringgit.

### **Mengkompaun kesalahan**

25. (1) Mana-mana kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dikompaun oleh Presiden atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Presiden.

(2) Jumlah wang yang dipungut hendaklah tidak melebihi jumlah wang yang sama dengan lima puluh peratus daripada amaun maksimum penalti kesalahan itu boleh dihukum.

### **Kaedah mengkompaun**

26. (1) Setelah menerima maklumat atau aduan bahawa suatu kesalahan telah dilakukan, mana-mana orang yang disebut di dalam perenggan (1) peraturan 25 hendaklah mengeluarkan notis untuk mengkompaun kesalahan itu dalam borang yang diperuntukkan dalam Jadual.

(2) Tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan adalah untuk tempoh empat belas hari, dan sekiranya pembayaran penuh dibuat untuk jumlah yang ditawarkan pada atau sebelum tamat tempoh empat belas hari itu, tiada apa-apa prosiding lanjut akan diambil terhadap orang itu. Jika sebaliknya, pendakwaan akan dimulakan tanpa notis.

### **Pembayaran kompaun**

27. (1) Apabila suatu tawaran untuk mengkompaun mana-mana kesalahan dibuat dan diterima, pembayaran boleh dibuat secara tunai, atau secara cek, kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank yang dibuat untuk dibayar kepada Perbadanan Putrajaya dan dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja”.

(2) Bayaran boleh dibuat atau diserahkan secara ke diri kepada orang yang diberi kuasa untuk membuat tawaran kompaun di kaunter pejabat Perbadanan, atau jika dihantar secara pos dialamatkan kepada Presiden Perbadanan Putrajaya, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya, 62675 Putrajaya.

(3) Tiap-tiap bayaran hendaklah dikira sebagai wang kepunyaan Perbadanan dan suatu resit rasmi hendaklah dikeluarkan bagi bayaran itu kepada orang yang telah diberi tawaran mengkompaun itu.

#### **JADUAL**

#### **AKTA PERBADANAN PUTRAJAYA 1995**

#### **PERATURAN-PERATURAN WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA (PELESENAN DAN PENDAFTARAN AKTIVITI DI TASIK) 2004**

(Peraturan 25)

#### **NOTIS TAWARAN MENGKOMPAUN SUATU KESALAHAN**

Kepada : .....

Alamat : .....

.....

Tuan/Puan,  
Rujukan:

Menurut \*aduan/siasatan, tuan/puan telah melakukan kesalahan berikut :

Tarikh		Waktu	
Tempat			
*No. Pendaftaran Bot		Jenis	
*No. Lesen bot		Jenis bot	
*No. Sijil (pemandu bot)			
Kesalahan : Peraturan		Peraturan-Peraturan Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pelesenan dan Pendaftaran Aktiviti di Tasik) 2004	

Butir-butir kesalahan : .....

Jumlah kompaun : RM.....

Dikeluarkan oleh : .....

Tarikh : .....

Saya bersedia dan dengan ini menawarkan untuk mengkompaun kesalahan di atas mengikut bayaran yang ditetapkan di atas. Bayaran boleh dibuat dengan cara tunai/cek/kiriman wang/wang pos/pesanan juruwang/pesanan bank/draf bank kepada Perbadanan Putrajaya dan dipalang dengan perkataan

---

“Akun Penerima Sahaja”. Bayaran secara pos hendaklah dialamatkan kepada Presiden, Perbadanan Putrajaya, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya, 62675 Putrajaya. Bayaran hendaklah dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh kompaun ini dikeluarkan. Sekiranya dalam tempoh tersebut kompaun tidak diselesaikan, tindakan mahkamah akan dimulakan.

Waktu bayaran:

Isnin-Khamis	9.00 pg-4.30 ptg	
Jumaat	9.00 pg-12.15 tgh	2.45-4.30 ptg
Sabtu	9.00 pg-12.30 tgh	

.....

---

\* potong mana yang tidak berkaitan

**PENERIMAAN TAWARAN KOMPAUN**

Presiden,  
Perbadanan Putrajaya,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya,  
62675 Putrajaya.

Saya merujuk tawaran mengkompaun suatu kesalahan bertarikh ..... dan disertakan bersama ini \*wang tunai/cek/kiriman wang/wang pos/pesanan juruwang/pesanan bank/draf bank No. .... berjumlah RM..... bagi menjelaskan kompaun itu.

Kesalahan : Peraturan  Peraturan-Peraturan Wilayah Persekutuan Putrajaya  
(Pelesenan dan Pendaftaran Aktiviti di Tasik) 2004

Tandatangan : .....

Nama : .....

Alamat : .....

..... Dikeluarkan oleh : .....

Tarikh : .....

---

\* potong mana yang tidak berkaitan

Dibuat 27 Februari 2003  
[PPj/Undang(A) 1-8 Klt. 2; PN(PU<sup>2</sup>)553/III]

TAN SRI DATO' SERI AZIZAN BIN ZAINUL ABIDIN  
*Presiden*  
*Perbadanan Putrajaya*

Disahkan

TAN SRI HJ. MOHD. ISA BIN DATO' HJ. ABDUL SAMAD  
*Menteri Wilayah Persekutuan*

---

**PERBADANAN PUTRAJAYA ACT 1995****FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA (LICENSING AND  
REGISTRATION OF ACTIVITIES ON THE LAKE) REGULATIONS 2004**

---

---

**ARRANGEMENT OF REGULATIONS**

---

**Regulation**

1. Citation and application
2. Interpretation
3. Licensing or registration of a boat
4. Application for a licence or registration certificate
5. Replacement of a licence or registration certificate
6. Licensee or registration certificate holder shall comply with directions
7. Marking and carving an identification number
8. Register of boat
9. Alteration of a boat
10. Registered owner
11. Duty to furnish name and address of person in charge of a boat
12. Change of ownership
13. Licence and registration certificate shall be kept in a motorised boat
14. Number of persons to be carried
15. Safety appliances, etc.
16. Certificate of competency for motorised boat driver
17. Fare of a water taxi
18. Perbadanan may determine schedules, routes, etc.
19. Revocation of a licence or registration certificate
20. Restrictions related to fishing
21. Permit for races, displays, regattas, etc.
22. Fees, forms, etc.
23. Exemption

Regulation

- 24. Penalty
- 25. Compounding of offences
- 26. Method of compounding
- 27. Payment of compound

**SCHEDULE**

**PERBADANAN PUTRAJAYA ACT 1995****FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA (LICENSING AND REGISTRATION  
OF ACTIVITIES ON THE LAKE) REGULATIONS 2004**

IN exercise of the powers conferred by section 33 of the Perbadanan Putrajaya Act 1995 [Act 536], the Perbadanan, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

**Citation and application**

1. (1) These regulations may be cited as the **Federal Territory of Putrajaya (Licensing and Registration of Activities on the Lake) Regulations 2004**.

(2) These Regulations shall apply only to the Federal Territory of Putrajaya.

**Interpretation**

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“activities” includes—

- (a) swimming;
- (b) boating;
- (c) water skiing;
- (d) water taxi;
- (e) water tours;
- (f) fishing; and
- (g) any commercial activity;

“primary water body” means the large body of water formed by the impoundment of the Sungai Chuau and Sungai Bisa;

“boat” means any motorised boat or non-motorised boat, as the case may be;

“motorised boat” means any mechanically propelled boat or any boat which is capable of being mechanically propelled;

“non-motorised boat” means any human-powered boat or devices used or capable of being used for navigation on the Lake;

“cargo” means any things or goods including sand, spoils or other substance or matter carried by a boat other than its equipment and fuel;

“works” includes any activity involving—

- (a) the construction or assembly of any structure, building, boat including floating craft;

- (b) dredging, reclamation, deepening, filling or draining of or the discharge of any substance, matter or thing;
- (c) the removal of any soil, sand, laterite, clay, stone, any earth substance or water;
- (d) planting, cutting and felling of any vegetation; and
- (e) the impounding, diverting, discharging, obstructing or interfering with the flow of water;

“authorised officer” means any officer of the Perbadanan authorised in writing by the Perbadanan;

“owner” includes the operator or any person having possession or control of a boat;

“Perbadanan” means the Perbadanan Putrajaya established under section 3 of the Perbadanan Putrajaya Act 1995;

“lake reserve” means the land, including promenades and pavements, immediately adjoining the primary water body, wetland and channel stretching from the 21.00 meter from the normal water level up to other limits declared by the Perbadanan from time to time;

“channel” means the channel formed by the impoundment of the Sungai Chuau and the Sungai Bisa by the dam and connected to the primary water body;

“river” includes all rivers entering and forming the Lake including natural or artificial estuary, waterway or stream;

“Lake” includes—

- (a) the primary water body;
- (b) the wetland;
- (c) the lake reserve;
- (d) the channel;
- (e) the river,

and as shown in a plan identified by reference to W.P.P. *Gazette* Plan 4—

- (i) prepared by the Director of Map and Survey Federal Territory of Putrajaya;
- (ii) dated and certified as a true copy of the plan of the areas by the Director of Map and Survey Federal Territory of Putrajaya; and
- (iii) kept in the office of the Director of Map and Survey Federal Territory of Putrajaya, together with the coordinates used in the making of the plan;

---

“bank” in relation to the Lake means any naturally or artificially formed bank of the Lake;

“water taxi” means a boat plying for hire or reward, used for the conveyance of passengers;

“wetlands” means those lands situated in the upper reaches of the primary water body which is seasonally, intermittently or permanently submerged or inundated with water that is static or flowing, whether occurring naturally or created artificially; including any land which may, from time to time, be designated as a wetland by the Perbadanan.

### **Licensing or registration of a boat**

3. (1) No person shall use or permit or cause to be used any motorised boat on the Lake, unless licenced by the Perbadanan under these Regulations.

(2) No person shall use or permit or cause to be used any non-motorised boat on the Lake, unless registered with and holds a certificate issued by the Perbadanan under these Regulations.

(3) Any person who contravenes this regulation commits an offence.

### **Application for a licence or registration certificate**

4. (1) An application for a licence or registration certificate under regulation 3 shall be in such form as determined by the Perbadanan.

(2) The Perbadanan shall consider the application and may approve or refuse the application.

(3) If the Perbadanan approves the application, a licence or registration certificate shall be issued—

- (a) in such form and subject to such conditions or restrictions as specified by the Perbadanan;
- (b) with a serial number and expiry date which shall be stated in the licence or registration certificate;
- (c) on payment of a fee as determined by the Perbadanan; and
- (d) for a period not exceeding one year.

(4) The authorised officer may at any time before issuing a licence or registration certificate require a boat to be brought to any place specified by him for inspection.

(5) A licensee or registration certificate holder shall not assign, lease, let out or sublet his licence or registration certificate.

(6) A licence or registration certificate issued under this regulation is renewable subject to payment of a fee as determined by the Perbadanan and the application for such renewal shall be made 14 days before the date of expiration of the licence or registration certificate.

(7) A licensee or registration certificate holder shall surrender his licence or registration certificate to the Perbadanan upon its expiry or revocation by the Perbadanan.

(8) Any person who contravenes this regulation commits an offence.

#### **Replacement of a licence or registration certificate**

5. Where the Perbadanan is satisfied that any licence or registration certificate has been lost, defaced or damaged, the Perbadanan may issue a replacement licence or registration certificate in place of the lost, defaced or damaged licence or registration certificate subject to a written application made by the licensee or registration certificate holder to the Perbadanan and upon payment of a fee as determined by the Perbadanan.

#### **Licensee or registration certificate holder shall comply with directions**

6. (1) A licensee or registration certificate holder shall comply with all codes of practice and guidelines issued by the Perbadanan including any written directions given by any authorised officer with regard to the carrying out of any works or activity on the Lake.

(2) Any person who contravenes this regulation commits an offence.

#### **Marking and carving an identification number**

7. (1) Upon the issuance of a licence or registration certificate, the Perbadanan shall assign an identification number to each boat.

(2) The owner shall mark the identification number on each bow of the boat against a contrasting background.

(3) The identification number shall be of such dimensions as may be determined by the Perbadanan and kept legible and visible at all times.

(4) Any person who contravenes this regulation commits an offence.

#### **Register of boat**

8. The Perbadanan shall keep and maintain a register of boat either licenced or registered under these Regulations. Such register shall contain such information, details and particulars as prescribed by the Perbadanan from time to time.

#### **Alteration of a boat**

9. (1) No owner shall, without the prior written approval of the Perbadanan, alter or cause or permit a boat to be so altered as not to correspond with the particulars relating to its description in the respective register.

(2) Any person who contravenes this regulation commits an offence.

#### **Registered owner**

10. Any persons whose names appear in the register as—

(a) the owner and operator;

(b) the owner; or

(c) the operator,

of a boat shall, for all purposes of these Regulations, be deemed to be the owner unless it is proven otherwise.

#### **Duty to furnish name and address of person in charge of a boat**

11. (1) The owner shall, at all reasonable times on demand by any authorised officer or police officer, furnish to them the name and address of the person in charge of a boat at any particular time when an offence has been committed or alleged to have been committed under these Regulations or any other written laws.

(2) Any person who contravenes this regulation commits an offence.

#### **Change of ownership**

12. (1) On any change of ownership of a boat, the licensee or registration certificate holder or registered owner and the new owner shall, within 7 days of the completion of the purchase of the boat, submit to the Perbadanan, the documentary evidence of the change of ownership and any licence or registration certificate issued in respect of the boat.

(2) If the Perbadanan is satisfied that the ownership has been transferred to the new owner, the licence or registration certificate issued to the previous owner shall be transferred to the new owner upon payment of a fee as determined by the Perbadanan, and shall remain valid for the remainder of the period for which it was issued.

(3) Any person who contravenes this regulation commits an offence.

#### **Licence and registration certificate shall be kept in a motorised boat**

13. (1) The licence or registration certificate shall be kept in a motorised boat at all times and shall be produced if required to do so by any authorised officer.

(2) Any person who contravenes this regulation commits an offence.

#### **Number of persons to be carried**

14. (1) No owner shall carry or cause or permit any person to carry in any boat a greater number of persons than the number allowed by and specified in his licence or registration certificate.

(2) Any person who contravenes this regulation commits an offence.

#### **Safety appliances, etc.**

15. (1) The owner shall cause the boat to use, carry or be fitted or provided with any life saving equipment, fire extinguisher, type of fuel, engine and boat specifications and other appliances and equipment as determined by the Perbadanan from time to time.

- (2) Every user of a boat shall, at all times, wear a life jacket.
- (3) Every water taxi shall carry the following life saving equipment:
  - (a) a life jacket for every person the boat is licenced to carry;
  - (b) an efficient sound signalling apparatus either mechanically or hand operated; and
  - (c) one or more life buoys, as determined by the Perbadanan, stowed for quick release.
- (4) Any person who contravenes this regulation commits an offence.

#### **Certificate of competency for motorised boat driver**

16. (1) No person shall drive a motorised boat on the Lake unless he is the holder of a certificate of competency issued by the Perbadanan.

(2) For the purpose of this regulation, the expression “holder of a certificate of competency” includes a person in possession of and driving a motorised boat in accordance with a licence duly issued by or on behalf of the proper authority authorising such person in the cause of his duties as a member of the forces to drive a motorised boat of which the motorised boat is the property of the Government.

(3) A certificate of competency may be issued by the Perbadanan to any person subject to the following conditions:

- (a) having the age of not less than eighteen years old;
- (b) is physically fit;
- (c) showing proof of competency as required by the Perbadanan; and
- (d) the payment of a fee as determined by the Perbadanan.

(4) Every driver of a motorised boat shall bring his certificate of competency while driving the motorised boat and shall produce such certificate if required to do so by any authorised officer.

(5) The Perbadanan may cancel the certificate of competency if it is satisfied that the motorised boat driver has contravened any provisions of these Regulations or any other written law.

- (6) Any person who contravenes this regulation commits an offence.

#### **Fare of a water taxi**

17. (1) The maximum fare which may be charged by the licensee or registration certificate holder of a water taxi shall not exceed the rates as specified by the Perbadanan in the licence or registration certificate.

(2) A copy of the fare rate shall be displayed on the water taxi whenever it is used.

- (3) Any person who contravenes this regulation commits an offence.

**Perbadanan may determine schedules, routes, etc.**

18. (1) The Perbadanan may from time to time determine matters related to the safety and proper operations of any boat including but not limited to the routes, schedules, landing places, operating hours and manning.

(2) Any person who contravenes this regulation commits an offence.

**Revocation of a licence or registration certificate**

19. (1) The Perbadanan may revoke a licence or registration certificate of a boat if it is satisfied that—

- (a) the boat is destroyed;
- (b) the boat is not serviceable;
- (c) the issuance of the licence or registration certificate was induced by a false representation of fact by or on behalf of the owner;
- (d) the owner has contravened any provisions of these Regulations or any other related written law or any of the conditions of the licence or registration certificate has not been complied with;
- (e) the owner makes an application in writing to revoke the licence or registration certificate of the boat; or
- (f) it has reasonable grounds to revoke the licence or registration certificate of the boat.

(2) Upon revocation of a licence or registration certificate, the owner shall remove the boat from the Lake.

(3) Any person who contravenes this regulation commits an offence.

**Restrictions related to fishing**

20. (1) No person shall—

- (a) set up, operate or permit or cause to be set up or operated any fishing appliance;
- (b) operate or permit or cause to be operated any fishing boat; or
- (c) have in his possession or on board of a boat any fishing appliance or part thereof,

without a permit issued by the Perbadanan and subject to such conditions and payment of a fee as determined by the Perbadanan.

(2) The following methods of fishing are prohibited—

- (a) jigging;
- (b) any fishing appliance that is pushed or towed by any boat and shall include trawl nets and troll lines; and
- (c) the use of poisons, explosives and mechanical or electrical appliances.

- (3) Any person who is found in possession of—
- (a) fish which has been captured with the aid of any of the methods in paragraph (2); or
  - (b) any equipment, appliance or material used in the methods in paragraph (2),

shall be presumed to have committed an offence unless the contrary is proven.

(4) The Perbadanan may from time to time prohibit the catch, killing or possession of certain species and size of fish for such periods of time as the Perbadanan may determine.

- (5) For the purposes of this regulation—

“fishing” means the catching, taking or killing or the attempted catching, taking or killing of fish including engaging in any activity which can reasonably be expected to result in the catching, taking or killing of fish;

“fishing appliance” includes a fishing net or fishing trap of any description and any gear designed for capturing fish;

“jigging” means catching or killing fish with a hook or hooks manipulated in such a manner as to pierce and hook a fish in any part of the body other than the mouth.

- (6) Any person who contravenes this regulation commits an offence.

#### **Permit for races, displays, regattas, etc.**

21. (1) No person shall organise, promote or conduct a race, display or regatta for boats of any description or an exhibition of water skiing, aquaplaning or any similar activity, within any part of the Lake, or any other operation or activity involving the use of such part of the Lake and affecting the availability of such part of the Lake for normal use by the public, unless a permit is issued by the Perbadanan.

(2) Subject to regulation 3, no person shall use or permit or cause to be used any boat, unless a permit is issued by the Perbadanan—

- (a) for carrying passengers or cargo on the Lake;
- (b) for any commercial activity on the Lake; or
- (c) for carrying out any works on the Lake.

(3) An application for a permit referred to in paragraph (1) and (2) shall be made in writing to the Perbadanan in a form and with payment of a fee as determined by the Perbadanan.

(4) A permit issued under this regulation may stipulate conditions as to time, place, charges or other matters as deemed fit by the Perbadanan.

(5) Any person who has been granted a permit shall only carry on his works or activity at the permitted location, during the permitted hours, for the permitted duration, with the permitted equipment or appliance as specified in the permit.

(6) If, in the opinion of the Perbadanan, the works or activity in, on or above the Lake is causing a reduction in the flow or volume of water, a degradation in the quality of water or erosion of the banks, the Perbadanan may direct the person undertaking the works or activity to alter, suspend, cease or relocate the works or activity.

(7) In this regulation—

“aquaplaning” means the conveyance of a person on, in or above any part of the Lake by maintaining him on floatation or aerial equipment which is attached to towing apparatus and connected to a boat whether or not such person or equipment is at the time in contact with or directly over the Lake; and

“water skiing” means the use of any water ski, surfboard, aquaplane or aquaplaning device and includes any boat of any description used as floatation equipment by a water skier.

(8) Any person who contravenes this regulation commits an offence.

#### **Fees, forms, etc.**

22. The Perbadanan may from time to time determine the forms, amount of fees and such other matters as may be required to be imposed under these Regulations.

#### **Exemption**

23. The Perbadanan may, conditionally or unconditionally exempt any class of boats from any provisions of these Regulations.

#### **Penalty**

24. Any person who commits an offence under regulations 3, 4, 6, 7, 9, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20 and 21 shall be liable to a fine not exceeding five thousand ringgit.

#### **Compounding of offences**

25. (1) Any offences under these Regulations may be compounded by the President or any officer authorized in writing by the President.

(2) The sum of money to be collected shall not exceed a sum equal to fifty per centum of the maximum amount of the penalty the offence is punishable.

#### **Method of compounding**

26. (1) Upon receipt of information or complaint that an offence has been committed, any of such person mentioned in paragraph (1) of regulation 25 shall issue a notice to compound the offence in the form as prescribed in the Schedule.

(2) The offer to compound an offence is for a period of fourteen days, and if full payment of the sum offered is made on or before the expiry of fourteen days, no further proceedings shall be taken against such person. Otherwise prosecution will be instituted without further notice.

### **Payment of compound**

27. (1) When an offer to compound of any offences is made and accepted, payment may be made in cash, or by cheque, money order, postal order, cashier's order, banker's order or banker's draft made payable to the Perbadanan Putrajaya and crossed "Account Payee Only".

(2) Payment may be made or delivered personally to the person authorized to make the offer to compound at the Perbadanan's office counter, or if sent by post addressed to the President of Perbadanan Putrajaya, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya, 62675 Putrajaya.

(3) Every payment shall be accounted for as money belonging to the Perbadanan and an official receipt shall be issued for the payment to the person to whom the offer to compound was made.

### **SCHEDULE**

#### **PERBADANAN PUTRAJAYA ACT 1995**

#### **FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA (LICENSING AND REGISTRATION OF ACTIVITIES ON THE LAKE) REGULATIONS 2004**

(Regulation 25)

#### **NOTICE OF OFFER TO COMPOUND AN OFFENCE**

To : .....

Address : .....

Sir/Madam,  
Reference:

It appears to me, on \*information/complaint received, that you have committed the following offence:

Date	<input type="text"/>	Time	<input type="text"/>
Place	<input type="text"/>		
*Boat registration no.	<input type="text"/>	Model	<input type="text"/>
*Boat licence no.	<input type="text"/>	Type of boats	<input type="text"/>
*Certificate no. (boat driver)	<input type="text"/>		
Offence:	Regulation	Federal Territory of Putrajaya (Licensing and Registration of Activities on the Lake) Regulations 2004	

Particulars of offences .....

Amount of Compound : RM..... Issued by : .....

Date : .....

I am prepared and hereby offer to compound the above offence the sum as specified above. Payment may be made in cash/cheque/money order/postal order/cashier's order/banker's order/banker's draft payable to Perbadanan Putrajaya and crossed with the words "Account Payee Only". Payment by post shall be addressed to the President, Perbadanan Putrajaya, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya, 62675 Putrajaya. Payment shall be made within 14 days from the date of this compound. If there is no payment made within the said period, legal action shall be commenced.

**Payment time:**

Mon.-Thur.: 9.00 a.m-4.30 p.m			
Fri.: 9.00 a.m-12.15 noon	2.45 p.m- 4.30 p.m		.....
Sat. 9.00 a.m-12.30 noon			

\* delete wherever not applicable

**ACCEPTANCE OF OFFER TO COMPOUND**

President,  
Perbadanan Putrajaya,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya,  
62675 Putrajaya.

I refer to the offer to compound an offence dated ....., and enclosed herewith \*cash/  
cheque/money order/postal order/cashier's order/banker's order/banker's draft No. ....  
for the sum of RM ..... in full settlement of the compound.

Offence : Regulation   Federal Territory of Putrajaya (Licensing and Registration of Activities on the Lake) Regulations 2004

Signature : .....

Name : .....

Address : .....

..... Issued by : .....

Date : .....

\* delete wherever not applicable

Made 27 February 2003  
[PPj/Undang(A) 1-8 Klt. 2; PN(PU<sup>2</sup>)553/III]

**TAN SRI DATO' SERI AZIZAN BIN ZAINUL ABIDIN**  
*President*  
*Perbadanan Putrajaya*

Confirmed

**TAN SRI HJ. MOHD. ISA BIN DATO' HJ. ABDUL SAMAD**  
*Minister of the Federal Territories*

---

**P.U. (A) 353.****AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976****UNDANG-UNDANG KECIL PENGAWALAN AKTIVITI DI TASIK  
(WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2004**

---

---

**SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL**

---

**BAHAGIAN I****PERMULAAN**

Undang-  
undang  
kecil

1. Nama dan pemakaian
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II****PERLINDUNGAN TASIK**

3. Tanggungjawab terhadap Tasik
4. Kawalan penggunaan dan pengaliran air
5. Pelенcongan air
6. Pengisytiharan zon yang ditetapkan

**BAHAGIAN III****PENGAWALAN AKTIVITI**

7. Bekas sampah
8. Kesalahan
9. Berenang
10. Melaporkan kemalangan
11. Pengalihan bot yang tenggelam, terkandas atau terbengkalai di Tasik
12. Perbuatan yang dilarang
13. Perbadanan boleh membenarkan perbuatan tertentu
14. Sekatan-sekatan berkaitan binatang
15. Perbadanan boleh menyekat penggunaan Tasik

**BAHAGIAN IV**

**PENGUATKUASAAN**

Undang-  
undang  
kecil

16. Kuasa menangkap
17. Kuasa menggeledah dan memeriksa
18. Kuasa memerintah orang keluar
19. Kuasa mengalih bot, kenderaan, dan lain-lain
20. Penalty
21. Rampasan

**BAHAGIAN V**

**PELBAGAI**

22. Hak akses
23. Perintah perlindungan air
24. Borang, bayaran dan lain-lain
25. Deposit

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

### UNDANG-UNDANG KECIL PENGAWALAN AKTIVITI DI TASIK (WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2004

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 dan 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pengubahan Akta Kerajaan Tempatan 1976) 2002 [P.U. (A) 142/2002], Perbadanan Putrajaya membuat dan menurut seksyen 103 Akta, Menteri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

##### **Nama dan pemakaian**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pengawalan Aktiviti di Tasik (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2004**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya.

##### **Tafsiran**

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“aktiviti” termasuk—

- (a) berenang;
- (b) menaiki bot;
- (c) ski air;
- (d) teksi air;
- (e) pelancongan air;
- (f) memancing; dan
- (g) apa-apa aktiviti komersial;

“alam sekitar” ertinya faktor-faktor fizikal bagi kawasan di sekeliling manusia termasuk tanah, air, udara, iklim, bunyi, bau, faktor-faktor biologi bagi binatang dan tumbuh-tumbuhan dan faktor-faktor sosial astetika;

“badan perairan utama” ertinya badan air besar yang terbentuk melalui penahanan Sungai Chuau dan Sungai Bisa oleh empangan;

“bahan buangan” ertinya apa-apa benda sama ada dalam bentuk pepejal, separuh pepejal atau cecair, atau dalam bentuk gas atau wap yang dikeluarkan, dilepaskan atau diletakkan dalam alam sekitar dalam apa-apa isipadu, komposisi atau cara yang menyebabkan pencemaran;

“bahan cemar” ertinya apa-apa benda semulajadi atau buatan, yang berbentuk pepejal, separuh pepejal atau cecair, atau dalam bentuk gas atau wap atau campuran sekurang-kurangnya dua daripada benda ini, atau bau busuk, bising atau haba yang dilepaskan, dikeluarkan atau diletakkan atau yang berkemungkinan dilepaskan, dikeluarkan atau diletakkan daripada mana-mana sumber yang boleh secara langsung atau tidak langsung menyebabkan pencemaran;

“binatang” ertinya mana-mana ahli alam binatang termasuklah mamalia, burung, reptilia, amfibia, ikan dan segala yang vetebrat dan bukan vetebrat dan telur serta anak-anaknya;

“bot” ertinya mana-mana kapal yang telah dibina atau disesuaikan untuk kegunaan di atas air;

“effluen” ertinya bahan buangan cecair atau air yang dijana daripada proses penghasilan;

“empangan” ertinya sebarang tambak yang dibina untuk menahan dan melenceng air dari Sungai Chuau dan Sungai Bisa bagi membentuk badan perairan utama, saluran dan wetland;

“kargo” ertinya barang-barang termasuklah pasir, hampas atau jirim atau bahan lain yang diangkut oleh suatu bot selain daripada peralatan dan bahan api bot itu;

“kerja-kerja” termasuk apa-apa aktiviti yang melibatkan—

- (a) pembinaan atau pemasangan apa-apa struktur, bangunan, bot dan termasuk kapal terapung;
- (b) pengorekan, penambakan, pendalaman, pengisian atau pengaliran atau pelepasan apa-apa jirim, bahan atau benda;
- (c) pemindahan tanah, pasir, tanah merah, tanah liat, batu, apa-apa jirim bumi atau air;
- (d) penanaman, pemotongan dan penebangan apa-apa tumbuh-tumbuhan; dan
- (e) penahanan, pelencongan, pelepasan, halangan atau gangguan aliran air;

“pegawai diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai Perbadanan yang diberi kuasa secara bertulis oleh Perbadanan;

“pemilik” termasuk pengendali dan mana-mana orang yang mempunyai milikan atau pengawalan ke atas suatu bot;

“spencemaran” ertinya apa-apa perubahan langsung atau tidak langsung kepada sifat-sifat fizikal, haba, kimia, atau biologi mana-mana bahagian alam sekitar Tasik dengan melepaskan, mengeluarkan atau meletakkan effluen, bahan pencemaran atau bahan buangan hingga menjelaskan apa-apa kegunaan berfaedah, menyebabkan suatu keadaan yang berbahaya atau mungkin berbahaya kepada kesihatan, keselamatan atau kebajikan awam atau kepada binatang, hidupan dalam air atau tumbuh-tumbuhan atau menyebabkan suatu pelanggaran terhadap apa-apa syarat, had atau sekatan di bawah Undang-Undang Kecil ini;

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Putrajaya yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Perbadanan Putrajaya 1995;

“premis” ertinya mana-mana bangunan atau struktur atau mana-mana bahagiannya (sama ada siap atau belum), tanah tanpa apa-apa bangunan atau struktur, dan mana-mana dermaga, pangkalan, kemudahan mendarat, bot atau struktur yang terapung atau dibina atas Tasik;

“saluran” ertinya saluran yang terbentuk melalui penahanan Sungai Chuau dan Sungai Bisa oleh empangan dan bersambung kepada badan pengairan utama;

“sumber” ertinya apa-apajirim, benda, bahan atau cecair yang berlaku dalam Tasik, sama ada di atas atau di bawah permukaan dan termasuklah—

- (a) flora dan fauna;
- (b) air, galian, pasir atau tanah; dan
- (c) produk semulajadi yang lain;

“sungai” termasuk semua sungai yang mengalir masuk dan membentuk Tasik termasuklah kuala, laluan air atau aliran air yang semulajadi atau buatan;

“rezab tasik” ertinya tanah, termasuk sesiaran dan laluan jalan kaki, yang betul-betul bersebelahan badan perairan utama, wetland dan saluran yang bermula dari 21.00 meter dari paras air biasa sehingga kepada had-had lain yang diisytiharkan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa;

“Tasik” termasuk—

- (a) badan perairan utama;
- (b) wetland;
- (c) rezab tasik;
- (d) saluran;
- (e) sungai,

dan seperti yang ditunjukkan di dalam pelan yang dikenal pasti dengan merujuk kepada W.P.P Pelan *Warta* 4—

- (i) yang disediakan oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan Wilayah Persekutuan Putrajaya;
- (ii) yang bertarikh dan diperakui sebagai pelan yang benar dan betul mengenai kawasan itu oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan Wilayah Persekutuan Putrajaya; dan
- (iii) yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Wilayah Persekutuan Putrajaya, bersekali dengan dokumen yang menunjukkan koordinat yang digunakan dalam menyediakan pelan itu;

“tebing” berhubung dengan Tasik ertinya mana-mana tebing Tasik yang terbentuk secara semulajadi atau buatan;

“teksi air” ertinya suatu bot yang belayar berulang-alik untuk sewaan atau ganjaran, yang digunakan untuk mengangkut penumpang;

“wetland” ertinya kawasan tanah-tanah yang terletak di bahagian atas badan perairan utama yang ditenggelami atau dibanjiri secara bermusim, sekali sekala atau secara tetap oleh air yang statik atau mengalir, sama ada berlaku secara semulajadi atau dihasilkan secara buatan, termasuklah mana-mana kawasan tanah yang boleh, dari semasa ke semasa, ditetapkan sebagai wetland oleh Perbadanan;

“zon yang ditetapkan” ertinya mana-mana bahagian Tasik yang boleh diisyiharkan oleh Perbadanan di bawah undang-undang kecil 6 sebagai suatu kawasan yang dikhaskan untuk menjalankan apa-apa aktiviti.

## BAHAGIAN II

### PERLINDUNGAN TASIK

#### **Tanggungjawab terhadap Tasik**

3. Perbadanan hendaklah bertanggungjawab terhadap pengurusan dan pemeliharaan Tasik termasuklah mengatur dan mengawal semua aktiviti dan kerja-kerja di Tasik.

#### **Kawalan penggunaan dan pengaliran air**

4. (1) Perbadanan hendaklah menjalankan penyeliaan dan kawalan ke atas penggunaan dan pengaliran air di dalam atau ke Tasik.

(2) Tiada sesiapa yang boleh, kecuali dengan kebenaran bertulis dari Perbadanan, mengganggu atau menghalang atau menyebabkan atau membenarkan pengaliran air semulajadi di dalam atau ke Tasik diganggu atau dihalang atau mengambil atau menggunakan air dari Tasik.

(3) Mana-mana pegawai diberi kuasa boleh—

(a) dengan notis bertulis, menghendaki mana-mana orang yang melanggar perenggan (2), dalam tempoh seperti yang ditetapkan dalam notis itu, memindahkan dengan perbelanjaannya sendiri, apa-apa bahan, benda atau objek yang menjadi punca halangan atau gangguan kepada pengaliran air; atau

(b) memindahkan atau menyebabkan pemindahan apa-apa bahan, benda atau objek dan mendapat balik kos dan perbelanjaan itu daripada orang tersebut dengan cara sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 115 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

(4) Tiada apa pun dalam perenggan (3) boleh dianggap sebagai menghalang mana-mana orang daripada didakwa kerana melanggar perenggan (2).

(5) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan.

### **Pelencongan air**

5. (1) Tiada seorang pun boleh, kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Perbadanan, mengubah pengaliran air dari perjalanan semulajadinya di dalam atau ke Tasik dengan menggunakan parit, longkang, saluran, paip atau sebagainya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan.

### **Pengisytiharan zon yang ditetapkan**

6. (1) Perbadanan boleh mengisytiharkan kawasan-kawasan yang ditetapkan di Tasik sebagai zon yang ditetapkan bagi tujuan memastikan ketenteraman, keselamatan dan kesihatan orang awam, melindungi Tasik daripada kerosakan, mencegah sebarang kacau ganggu, memelihara flora dan fauna dan untuk menjalankan apa-apa aktiviti yang diluluskan oleh Perbadanan.

(2) Tiap-tiap zon yang ditetapkan hendaklah diisytiharkan melalui notis kepada orang awam dan hendaklah memasukkan perihal tujuan zon tersebut diisytiharkan, sempadan geografinya dan sekatan-sekatan yang diguna pakai di zon tersebut.

(3) Tiada seorang pun boleh menjalankan atau menyebabkan perjalanan apa-apa kerja atau aktiviti yang merosakkan atau bertentangan dengan tujuan zon tersebut diisytiharkan.

(4) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan.

## **BAHAGIAN III**

### **PENGAWALAN AKTIVITI**

#### **Bekas sampah**

7. (1) Tiap-tiap orang yang menjalankan apa-apa aktiviti di Tasik hendaklah tidak meninggalkan atau menyebabkan atau membenarkan untuk ditinggalkan habuk, kekotoran, abu, sampah, ofal, bahan buangan, bahan pencemaran atau bahan lain atau benda yang dibuang daripada aktiviti tersebut di mana-mana di dalam Tasik melainkan di dalam bekas sampah.

(2) Perbadanan boleh menghendaki mana-mana orang yang menjalankan apa-apa aktiviti yang diluluskan menyediakan suatu bekas sampah dan setiap bekas sampah yang disediakan oleh orang itu hendaklah—

- (a) disiapkan dengan penutup atau tudung yang ketat dan padat;
- (b) dibuat daripada apa-apa bahan yang diluluskan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa;
- (c) mempunyai apa-apa bentuk, saiz dan rekabentuk yang diluluskan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa;
- (d) disimpan dalam keadaan yang baik dan diganti apabila perlu atau apabila diarah oleh mana-mana pegawai diberi kuasa; dan

- (e) dialas dengan beg plastik sebelum sampah dimasukkan ke dalam bekas dan beg plastik tersebut hendaklah dibuang di mana-mana tempat seperti yang diarahkan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa; atau
  - (f) diletakkan di mana-mana tempat, seperti yang diarahkan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa, untuk dikosongkan dan kandungannya dipindahkan.
- (3) Tiap-tiap orang yang menyediakan suatu bekas sampah hendaklah memastikan bahawa kandungan bekas sampah itu tidak dijatuhkan atau melimpah atau bertabur dari bekas sampah tersebut.
- (4) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan.

### Kesalahan

8. (1) Tiada seorang pun dibenarkan—
- (a) merendam atau membasuh apa-apa belulang, mencelup kain-kain atau bahan lain yang mungkin menjadikan air di Tasik busuk atau berbahaya;
  - (b) menyebabkan atau membenarkan apa-apa air yang telah menyentuh mana-mana jirim, bahan atau benda yang busuk atau berbahaya mengalir atau disalur ke dalam Tasik atau mana-mana sungai, longkang, parit atau saluran;
  - (c) membawa dalam mana-mana bot apa-apa bahan yang busuk atau berbahaya;
  - (d) membuang bangkai ke dalam Tasik;
  - (e) membuang air kecil atau air besar di dalam atau di atas mana-mana sungai, saluran, parit, longkang atau Tasik atau menyebabkan atau membenarkan apa-apa air kencing atau najis mengalir atau disalurkan ke dalam mana-mana sungai, saluran, parit, longkang atau Tasik;
  - (f) membakar apa-apa bahan, bahan buangan, sampah atau apa-apa bahan lain di dalam mana-mana bot di Tasik atau di wetland atau rezab tasik;
  - (g) mengikat, menyimpan, mengurung atau membenarkan mana-mana binatang untuk meragut rumput di wetland dan rezab tasik atau meranduk, membasuh atau memandikan mana-mana binatang di Tasik;
  - (h) membuang atau menyebabkan atau membenarkan pembuangan apa-apa bahan buangan industri, buangan berminyak atau effluen ke dalam Tasik kecuali dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain;
  - (i) berenang atau meranduk di Tasik kecuali di zon yang ditetapkan;
  - (j) mengemudi atau menyebabkan atau membenarkan mana-mana bot dikemudikan di Tasik dengan tidak berhati-hati, cuai, dengan kelajuan yang tertentu, dengan muatan orang, kargo atau bahan api dengan cara yang tertentu atau dengan apa-apa cara lain yang berbahaya atau yang mungkin boleh menyebabkan kerosakan kepada mana-mana harta benda atau kecederaan atau kacau ganggu terhadap mana-mana orang;
  - (k) menggunakan atau menyebabkan atau membenarkan mana-mana bot digunakan semasa di bawah pengaruh alkohol atau dadah sehingga beliau tidak mampu mengawal bot secara betul;

- (l) mendarat, bersauh, mengikat, menambat atau membawa bot ke mana-mana tempat di sepanjang tepi Tasik, atau menaikkan atau menurunkan orang atau beroperasi di mana-mana laluan kecuali di tempat-tempat, laluan-laluan atau tempat-tempat mendarat yang tertentu yang diluluskan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa.
- (2) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan.

### **Berenang**

9. (1) Perbadanan boleh, bagi tujuan keselamatan dan kesihatan orang awam, menentukan syarat-syarat untuk berenang di zon yang ditetapkan termasuklah bilangan orang, bayaran, penggunaan kemudahan awam, waktu beroperasi, jenis-jenis aktiviti yang boleh dibenarkan dan penutupan tempat itu secara sementara atau tetap.

(2) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan.

### **Melaporkan kemalangan**

10. (1) Pemilik tiap-tiap bot hendaklah, dengan serta-merta sekiranya berlaku pencemaran dan tidak melebihi 4 jam dari berlakunya apa-apa kejadian lain, melaporkan—

- (a) apa-apa kemasuhan, kerosakan atau kerugian bot tersebut;
- (b) apa-apa perlanggaran, kemalangan atau kejadian lain, yang menyebabkan pencemaran di Tasik;
- (c) apa-apa kemalangan, kerosakan, pencemaran, kecederaan atau kehilangan nyawa yang telah disebabkan atau dikatakan telah disebabkan oleh bot itu; dan
- (d) apa-apa kemalangan, kerosakan, kecederaan atau kehilangan nyawa yang berlaku di atas bot akibat daripada apa-apa sebab lain,

kepada mana-mana pegawai polis dan, bagi apa-apa pencemaran, kepada Perbadanan.

(2) Pemilik itu hendaklah, dalam membuat laporan di bawah perenggan (1), juga menyerahkan lesen bot dan lesen persendirian beliau, jika ada, yang dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis kepada pegawai diberi kuasa atau pegawai polis bagi membolehkan satu pemeriksaan bot dibuat.

(3) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan.

### **Pengalihan bot yang tenggelam, terkandas atau terbengkalai di Tasik**

11. (1) Sekiranya suatu bot didapati tenggelam, terkandas atau terbengkalai di Tasik dengan apa-apa cara sehingga ia menjadi atau mungkin akan menjadi, pada pendapat Perbadanan, halangan atau bahaya kepada keselamatan orang awam, gangguan atau kesusahan kepada orang awam, pemilik bot tersebut

hendaklah menaikkan, mengalihkan atau memusnahkan seluruh atau sebahagian bot itu dengan cara yang tertentu, selepas membuat apa-apa bayaran deposit, sekiranya ada, dan dalam tempoh yang ditentukan oleh Perbadanan.

(2) Dalam hal pemilik tersebut gagal mengambil tindakan seperti yang dinyatakan oleh Perbadanan di bawah perenggan (1) atau hadir sendiri di Perbadanan dalam masa 48 jam dari masa notis dihantar ke alamat berdaftar beliau, Perbadanan boleh—

- (a) mengambil milikan dan menaikkan, mengalih atau memusnahkan seluruh atau sebahagian bot tersebut;
- (b) mengikut budi bicaranya, menjual, dengan apa cara yang dianggapkan sesuai, bot itu atau sebahagiannya yang dinaikkan atau dialihkan dan juga apa-apa harta lain yang dijumpai semasa menjalankan kuasanya menurut undang-undang kecil ini, dan daripada hasil penjualan itu, mendapatkan balik perbelanjaan yang telah ditanggung olehnya dan Perbadanan hendaklah memegang hasil yang terlebih daripada penjualan itu, sekiranya ada, sebagai amanah untuk mana-mana orang yang berhak kepadanya;
- (c) mengambil semua tindakan untuk mengelakkan pencemaran; dan
- (d) mendapatkan perbezaan dari pemilik tersebut sekiranya hasil dari penjualan tersebut, jika ada, bersama-sama dengan deposit adalah tidak mencukupi untuk menampung apa-apa kos perbelanjaan yang ditanggung.

(3) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan.

### **Perbuatan yang dilarang**

12. (1) Tiada seorang pun di Tasik, boleh—

- (a) masuk atau keluar mana-mana kawasan berpagar, berpagar dengan pokok renek atau berdinding kecuali melalui pintu masuk atau pintu keluar yang dikhaskan untuk maksud tersebut;
- (b) menanggalkan pakaian atau berada dalam keadaan tidak memakai pakaian sehingga menunjukkan dedahan yang tidak bersopan pada pandangan orang awam;
- (c) mengganggu atau menimbulkan suatu kacau ganggu kepada orang lain yang menggunakan Tasik menurut undang-undang;
- (d) membuang atau melepaskan suatu batu atau benda atau melakukan apa-apa tindakan yang mungkin akan menyebabkan kecederaan kepada mana-mana orang atau binatang, atau kerosakan terhadap apa-apa tumbuhan atau harta benda;
- (e) mengambil bahagian dalam apa-apa permainan atau melakukan apa-apa aktiviti yang mungkin akan mengganggu atau menimbulkan suatu kacau ganggu kepada orang lain yang menggunakan Tasik menurut undang-undang, merosakkan mana-mana tumbuhan atau harta benda atau menyebabkan penghakisan kepada tebing;

- (f) tertakluk kepada undang-undang kecil 14, melepaskan, membuang atau membiakkan apa-apa binatang;
- (g) menubuhkan, mengendali atau melibatkan diri dalam atau menyebabkan atau membenarkan mana-mana orang lain menubuh, mengendalikan atau melibatkan diri dalam akuakultur;
- (h) melepaskan, membuang atau menanam apa-apa tumbuhan akuatik yang, pada pendapat Perbadanan, menjadi suatu kacau ganggu;
- (i) menggunakan mana-mana bot dengan cara yang menyebabkan atau mungkin menyebabkan kecederaan atau kerosakan kepada mana-mana harta benda, kehidupan tumbuhan atau binatang, hakisan tebing atau pencemaran Tasik;
- (j) tertakluk kepada undang-undang kecil 14, menggunakan mana-mana bot untuk mengangkut binatang;
- (k) menggunakan apa-apa kapal air persendirian termasuklah ski jet, skuter air dan kapal-kapal berkuasa lain yang serupa yang direka untuk dikendalikan oleh seseorang yang duduk, berdiri atau melutut di atas kapal itu;
- (l) mencuci mana-mana kereta, pakaian, benda, barang atau bahan atau menggantung, menyebarkan atau meletakkan apa-apa kain linen atau kain tenunan lain untuk dikeringkan atau dilunturkan; atau
- (m) menggunakan apa-apa kemudahan untuk suatu maksud selain daripada tujuan kemudahan itu disediakan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan.

#### **Perbadanan boleh membenarkan perbuatan tertentu**

13. (1) Perbadanan boleh membenarkan perbuatan berikut di Tasik tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan olehnya—

- (a) memungut, mengeluarkan, memotong atau mengalih mana-mana tumbuhan atau sebahagiannya;
- (b) mengganggu atau mengambil sarang mana-mana binatang atau memberi makan, membunuh, mencederakan, menangkap atau menyerang mana-mana binatang;
- (c) menyelam, snorkel, atau selam skuba atau melibatkan diri dalam apa-apa cara berenang di bawah permukaan air;
- (d) melibatkan diri dalam apa-apa pelayaran di bawah permukaan air atau kapal selam;
- (e) membersihkan, memecahkan, menggali atau mengerjakan mana-mana tanah;
- (f) menggugur atau meletak apa-apa kekotoran, pasir, batu kerikil, tanah liat, tanah gembur, baja binatang, sampah, habuk kayu, batu, jerami atau apa-apa bahan atau benda lain;

- (g) menyebar, memasang atau menggunakan apa-apa jaring, perangkap atau peralatan lain untuk menangkap, memusnah atau mencedera mana-mana binatang;
- (h) menjual, menyewa, menawarkan atau mempamerkan untuk jualan atau sewaan apa-apa benda termasuklah mana-mana bot, atau melakukan atau menawarkan apa-apa perkhidmatan, selain daripada yang dibenarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini, untuk ganjaran;
  - (i) menyalakan api atau menyebabkan apa-apa kebakaran;
  - (j) menyimpan atau meninggalkan bot tanpa jagaan;
  - (k) menaikkan atau meninggalkan khemah, tempat berteduh atau kem;
  - (l) melepaskan apa-apa bunga api yang berbahaya, bahan letupan, racun, senapang leming atau senjata;
- (m) memanjat mana-mana tiang, batang besi, pagar, galah, petak, perhentian, gerai, empangan, tambak atau struktur lain;
- (n) menggantung atau melekatkan apa-apa lampu, bil, poster, notis atau benda-benda lain pada mana-mana tumbuhan, pokok atau struktur;
- (o) menunggang basikal atau menggunakan alat meluncur atau papan meluncur di rezab tasik kecuali di atas mana-mana trek atau jalan yang ditetapkan dengan notis untuk kegunaan tersebut;
- (p) masuk atau berada di Tasik di luar daripada hari dan masa yang dibenarkan oleh Perbadanan;
- (q) masuk atau mengikat kepada empangan atau mana-mana tambak atau menjalankan apa-apa aktiviti di sekitar empangan atau tambak yang boleh menimbulkan prasangka terhadap keselamatannya atau mengganggu operasinya;
- (r) menjalankan apa-apa aktiviti atau kerja-kerja atau bersauh di dalam mana-mana kawasan di sekitar empangan atau tambak seperti yang diisyiharkan menurut undang-undang kecil 6;
- (s) membawa atau menyimpan dalam milikannya atau di bawah kawalannya apa-apa perangkap, jaring, peralatan, bahan letupan, senjata, racun atau apa-apa bahan atau kelengkapan lain yang boleh digunakan untuk menangkap, memusnah atau mencederakan mana-mana binatang atau merosakkan apa-apa tumbuhan; atau
- (t) menjalankan apa-apa aktiviti lain yang menyebabkan atau boleh menyebabkan hakisan tebing atau perubahan, kerosakan atau kemusnahaan kepada mana-mana tumbuhan, binatang atau harta benda.

(2) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan.

#### **Sekatan-sekatan berkaitan binatang**

14. (1) Perbadanan boleh membenarkan mana-mana binatang selain daripada binatang jinak dibawa atau menyebabkan dibawa ke dalam Tasik.

(2) Suatu binatang jinak dibenarkan masuk atau berada di Tasik jika ianya—

- (a) dikawal dengan betul dan, jika binatang itu adalah anjing, diikat dengan tali kulit; dan
- (b) disekat daripada merayau atau menyebabkan gangguan atau kacau ganggu kepada mana-mana orang atau binatang atau kerosakan kepada mana-mana tumbuhan atau harta benda.

(3) Walau apa pun peruntukan perenggan (2)(a), sekiranya Perbadanan telah, dengan memberi notis—

- (a) melarang kemasukan mana-mana binatang jinak ke mana-mana bahagian Tasik, tiada seorang pun yang boleh menyebabkan atau membenarkan binatang jinak kepunyaannya atau di bawah jagaannya itu masuk atau berada di bahagian tersebut di Tasik; dan
- (b) mengisyiharkan mana-mana bahagian Tasik sebagai suatu kawasan di mana anjing-anjing boleh berlari dengan bebas dan tertakluk kepada perenggan (4), tiada seorang pun boleh dikehendaki memegang anjing kepunyaannya atau di bawah jagaannya dengan tali kulit tetapi boleh dilepaskannya berlari dengan bebas di bahagian Tasik itu.

(4) Tiada seorang pun boleh menyebabkan atau membenarkan mana-mana binatang jinak kepunyaannya atau di bawah jagaannya dibebaskan atau masuk ke dalam Tasik.

(5) Sekiranya binatang jinak telah membuang air besar di Tasik, tuan punya binatang tersebut atau orang yang menjaganya hendaklah dengan serta-merta membersihkan najis tersebut dan membuangnya dengan cara yang betul dan bersih.

(6) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan.

### **Perbadanan boleh menyekat penggunaan Tasik**

15. (1) Walau apa pun peruntukan undang-undang kecil 6, Perbadanan boleh, dari semasa ke semasa, melarang atau menyekat penggunaan Tasik atau mana-mana bahagian daripadanya untuk apa jua maksud dan untuk tempoh masa yang tertentu sebagaimana ditetapkan oleh Perbadanan.

(2) Tiada seorang pun boleh menggunakan atau membenarkan atau menyebabkan untuk digunakan Tasik atau sebahagian daripadanya bertentangan dengan apa-apa larangan atau sekatan yang dikenakan oleh Perbadanan di bawah perenggan (1).

(3) Bagi maksud perenggan (1) Perbadanan boleh, sebagai pemberitahuan kepada orang awam, menggunakan apa jua cara yang dianggap munasabah untuk menandakan kawasan-kawasan di mana larangan atau sekatan penggunaan Tasik dikenakan.

(4) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN IV

PENGUATKUASAAN

**Kuasa menangkap**

16. (1) Mana-mana pegawai polis atau pegawai yang diberi kuasa boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di hadapannya atau yang semunasabahnya dipercayai telah melakukan suatu kesalahan di bawah undang-undang kecil ini—

- (a) jika nama atau alamat orang itu tidak diketahui atau orang itu enggan untuk memberikan nama dan alamatnya; atau
- (b) jika ada sebab untuk meragui ketepatan nama atau alamat itu.

(2) Seseorang yang telah ditangkap di bawah undang-undang kecil ini hendaklah ditahan dan hendaklah dibawa ke hadapan Mahkamah Majistret dalam tempoh dua puluh empat jam kecuali nama dan alamatnya dapat dipastikan sebelum itu.

**Kuasa untuk menggeledah dan memeriksa**

17. (1) Mana-mana pegawai diberi kuasa atau pegawai polis boleh menggeledah dan memeriksa mana-mana orang, bot, kenderaan, peralatan atau benda yang sedang digunakan dengan cara yang bertentangan dengan mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(2) Pegawai tersebut boleh meminta daripada pemilik atau orang yang menggunakan bot, kenderaan, peralatan atau benda tersebut, apa-apa maklumat berhubung dengan nama, alamat, lesen, nombor pendaftaran dan butir-butir terperinci yang lain yang berkaitan dengan kesalahan yang dikatakan telah dilakukan.

(3) Tiada seorang pun yang boleh menghalang, mengganggu atau melengahkan pegawai tersebut daripada memasuki atau menjalankan sebarang tugas atau kuasa yang diberikan oleh Undang-Undang Kecil ini.

(4) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan.

**Kuasa memerintah orang keluar**

18. Mana-mana pegawai polis atau pegawai diberi kuasa boleh mengarahkan mana-mana orang yang melanggar atau sesiapa yang semunasabahnya disyaki akan melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini, keluar dari Tasik dan orang itu hendaklah dengan serta-merta membuat sedemikian.

**Kuasa memindahkan bot, kenderaan dan lain-lain**

19. Mana-mana pegawai polis atau pegawai diberi kuasa boleh mengalih mana-mana bot, kenderaan, peralatan atau benda yang dibawa masuk, ditinggalkan atau digunakan di Tasik atau di mana-mana bahagiannya, yang melanggar

Undang-Undang Kecil ini atau mungkin akan menyebabkan bahaya, kerosakan, pencemaran atau halangan ke suatu tempat yang sesuai dan disimpan atas risiko pemilik atau orang yang melakukan kesalahan dan boleh menahannya sehingga perbelanjaan untuk pengalihan dan penahanan dibayar.

### **Penalty**

20. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah undang-undang kecil 4, 5, 6, 7, 8, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 17 dan 23 hendaklah, jika sabit kesalahan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

### **Rampasan**

21. (1) Mana-mana pegawai polis atau pegawai diberi kuasa boleh merampas dan memindah mana-mana bot, kenderaan, kelengkapan atau peralatan kepunyaan mana-mana orang yang digunakan untuk melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini dan menahannya di suatu tempat untuk suatu tempoh yang ditentukan oleh Perbadanan atas risiko pemilik.

(2) Mana-mana orang yang mempunyai apa-apa tuntutan terhadap mana-mana bot, kenderaan, kelengkapan atau peralatan yang mungkin telah dirampas, dipindah atau ditahan di bawah perenggan (1) boleh menuntutnya daripada Perbadanan dalam tempoh tiga bulan dari tarikh rampasan tertakluk kepada apa-apa syarat dan bayaran fi yang ditetapkan oleh Perbadanan.

(3) Sekiranya tiada tuntutan dibuat terhadap bot, kenderaan, kelengkapan atau peralatan itu dalam tempoh itu Perbadanan boleh melupuskan bot, kenderaan, kelengkapan atau peralatan itu dengan cara yang difikirkannya munasabah.

## **BAHAGIAN V**

### **PELBAGAI**

### **Hak akses**

22. Semua pegawai polis dan pegawai diberi kuasa hendaklah, pada bila-bila masa, mempunyai akses yang bebas ke Tasik bagi tujuan menguatkuasakan Undang-Undang Kecil ini.

### **Perintah perlindungan air**

23. (1) Perbadanan boleh mengeluarkan suatu perintah perlindungan air berkenaan dengan Tasik, sekiranya berpuas hati bahawa terdapat suatu ancaman atau

risiko yang serius terhadap kesihatan orang awam yang disebabkan atau disumbangkan oleh—

- (a) suatu ancaman langsung kepada kuantiti atau kualiti air; atau
- (b) suatu ancaman langsung atau risiko pencemaran.

(2) Perbadanan boleh, dengan notis, mengeluarkan suatu perintah untuk melindungi Tasik atau sebahagiannya.

(3) Suatu perintah yang dikeluarkan di bawah sub undang-undang kecil (2) hendaklah mengenalpasti—

- (a) orang atau aktiviti yang terlibat;
- (b) Tasik atau sebahagiannya yang terlibat;
- (c) tindakan-tindakan atau langkah-langkah yang perlu diambil; dan
- (d) masa yang dibenarkan untuk mengambil tindakan-tindakan tersebut.

(4) Sekiranya apa-apa tindakan yang diambil oleh seseorang tidak mematuhi perintah itu, Perbadanan boleh mengambil tindakan itu atau menyebabkan tindakan itu dilaksanakan dan mendapatkan perbelanjaan, sekiranya ada, daripada orang tersebut dengan cara yang diperuntukkan dalam seksyen 115 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

(5) Mana-mana orang yang enggan, mengabaikan atau gagal mematuhi apa-apa perintah yang dikeluarkan oleh Perbadanan di bawah perenggan (3) dalam tempoh yang ditetapkan, adalah melakukan suatu kesalahan.

### **Borang, bayaran dan lain-lain**

24. Perbadanan boleh, dari semasa ke semasa, menentukan borang, kadar bayaran dan perkara-perkara lain seperti yang dikehendaki untuk dikenakan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

### **Deposit**

25. (1) Perbadanan boleh, sebelum mengeluarkan suatu kelulusan bertulis, menghendaki pemohon membayar suatu deposit tidak melebihi dua ribu ringgit bagi memastikan bahawa syarat-syarat, sekatan-sekatan dan peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil ini dipatuhi.

(2) Melainkan jika dilucutkan oleh Perbadanan, deposit yang telah dibayar itu hendaklah dikembalikan tanpa penyelarasian faedah ke atas jumlah yang telah didepositkan.

(3) Perbadanan boleh, selepas memberi pemohon suatu peluang untuk didengar, melucutkan deposit itu sepenuhnya atau sebahagiannya, sekiranya Perbadanan berpuas hati bahawa terdapatnya pelanggaran syarat atau sekatan sebagaimana

---

yang ditetapkan dalam kelulusan bertulis atau suatu pelanggaran Undang-Undang Kecil ini.

(4) Sementara menunggu keputusan di bawah perenggan (3), aktiviti yang diluluskan itu bolehlah digantung.

Dibuat 27 April 2000

[PPj/Undang(A) 4-18 Klt. 5; PN(PU<sup>2</sup>)328B/III]

TAN SRI DATO' SERI AZIZAN BIN ZAINUL ABIDIN  
*Presiden*  
*Perbadanan Putrajaya*

Disahkan

TAN SRI HJ. MOHD. ISA BIN DATO' HJ. ABDUL SAMAD  
*Menteri Wilayah Persekutuan*

## **LOCAL GOVERNMENT ACT 1976**

### **CONTROL OF ACTIVITIES ON THE LAKE (FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA) BY-LAWS 2004**

---

#### **ARRANGEMENT OF BY-LAWS**

---

##### **PART I**

###### **PRELIMINARY**

###### **By-law**

1. Citation and application
2. Interpretation

##### **PART II**

###### **PROTECTION OF THE LAKE**

3. Responsibility for the Lake
4. Control of use and flow of water
5. Diversion of water
6. Declaration of designated zones

##### **PART III**

###### **CONTROL OF ACTIVITIES**

7. Refuse receptacles
8. Offences
9. Swimming
10. Report of accidents
11. Removal of boat sunk, stranded or abandoned in the Lake
12. Prohibited acts
13. Perbadanan may permit certain acts
14. Restrictions related to animals
15. Perbadanan may restrict use of the Lake

---

**PART IV****ENFORCEMENT**

By-law

16. Powers of arrest
17. Power to search and inspect
18. Power to order persons to leave
19. Power to remove boats, vehicles, etc.
20. Penalty
21. Seizure

**PART V****MISCELLANOUS**

22. Right of access
23. Water protection order
24. Forms, charges, etc.
25. Deposits

## LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

CONTROL OF ACTIVITIES ON THE LAKE (FEDERAL TERRITORY  
OF PUTRAJAYA) BY-LAWS 2004

